

23 FEB 1999

Mahathir-Media

PM HARAP MEDIA MASSA ASIA BARAT TEMPAT WAKIL DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap media massa negara-negara Arab dapat menempatkan wartawan masing-masing di Malaysia untuk mendapatkan gambaran sebenar mengenai negara ini yang sering diburuk-burukkan oleh media barat.

Perdana Menteri berkata biasanya media massa dari Asia Barat tidak mempunyai wartawan di Malaysia dan dengan itu pembaca di negara masing-masing tidak mendapat maklumat yang tepat mengenai Malaysia kerana terpaksa bergantung kepada media barat.

"Malaysia memangpun tidak popular dengan barat dan media massa mereka yang sengaja membuat laporan memburuk-burukkan Malaysia," katanya pada perjumpaan dengan editor-editor akhbar dari Asia Barat di pejabatnya di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata beliau tidak mahu laporan asing yang tidak tepat itu mempengaruhi pembaca akhbar di Asia Barat sehingga boleh menjejaskan persahabatan dan persaudaraan antara Malaysia dengan negara-negara berkenaan.

Pada pertemuan hampir dua jam dengan enam editor dari Mesir, Libya, Sudan, Jordan dan Pakistan itu, Dr Mahathir menjawab pelbagai soalan mengenai ekonomi khususnya pendirian Malaysia terhadap pedagang mata wang, politik semasa dan hak asasi manusia.

Turut serta ialah Penasihat Majlis Tertinggi Mesir mengenai Hal Ehwat Islam Dr Mohamed Bahi El-Din Salem.

Mereka berada di Malaysia untuk melihat sendiri perkembangan semasa dan pembangunan pesat negara ini.

Mengenai kemungkinan penyatuan mata wang negara-negara Islam sebagaimana yang dilakukan oleh negara-negara Eropah melalui Euro, beliau berkata pada masa ini perkara itu terlalu awal untuk difikirkan kerana tahap perdagangan antara negara-negara Islam sendiri masih rendah.

"Mengenai pasaran bersama Islam juga terlalu awal kerana dagangan antara negara-negara Islam masih terlalu rendah pada masa ini dan masih perlu dipertingkatkan," katanya ketika menjawab soalan Dr Mohamed Bahi melalui jurubahasa Arab.

Dr Mahathir berkata Malaysia memang telah mula melabur di negara-negara ketiga termasuk negara-negara Islam sebagai satu cara mempercepatkan peningkatan hubungan dagang dan membantu membangunkan negara-negara berkenaan namun terdapat bukti bahawa Barat tidak ingin melihat hubungan itu terjalin.

"Serangan mereka (pedagang mata wang) ke atas mata wang Malaysia menjadikan kita kini lebih miskin sehingga kemampuan kita untuk melabur di negara-negara ketiga terjejas," katanya.

Beliau percaya walaupun Malaysia berjaya menangkis serangan itu, yang menjadi punca kepada kegawatan ekonomi di rantau Asia Timur juga, Barat akan terus berusaha menghalang hubungan itu.

Katanya, Malaysia bernasib baik kerana sebelum serangan pada Julai 1997 itu ekonomi Malaysia dikendalikan dengan cermat dan tidak perlu berhutang dengan negara lain yang mengurangkan beban tekanan pembayaran hutang luar.

"Malaysia juga menumpukan kepada eksport sehingga menjadikan kita negara ke-17 di dunia dalam perdagangan," katanya.

Beliau turut menjelaskan bahawa langkah Malaysia memastikan ringgit Malaysia tidak mempunyai nilai di luar negara juga telah menyekat tindak tanduk pedagang mata wang asing.

Dr Mahathir berkata dengan langkah itu kerajaan Malaysia sendiri yang menentukan kadar pertukaran mata wangnya dan dengan itu ia tidak boleh lagi ditekan oleh pedagang mata wang yang hendak menjatuhkan nilai ringgit.

"Kita tidak akan kembali membenarkan wang kita dijual beli sehingga dunia membentuk satu rejim baru mengenai kawalan mata wang," katanya mengenai pendirian Malaysia yang disokong oleh banyak negara tetapi tidak oleh Amerika Syarikat yang merupakan pedagang mata wang terbesar.

Kepada soalan Ketua Pengarang Al-Zahap Al-Akhbar Libya Dr Abdul Kadir Ibrahim Al-Hadhiri, Dr Mahathir berkata Soros yang kedua dan seterusnya mungkin lahir selagi banyak negara berdagang menggunakan dolar Amerika Syarikat.

"Kalau kita tidak menggunakan dolar Amerika, nilainya akan jatuh dan ia tidak boleh diguna untuk menekan," katanya, yang memberi contoh Malaysia sendiri menggunakan dolar dalam 70 peratus perdagangan luarnya walaupun urusan dagangnya dengan negara itu hanya 18 peratus.

Beliau berkata Malaysia juga tidak meminta bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) kerana berpendapat IMF merupakan satu alat bagi Barat untuk menekan negara lain.

Mengulas laporan media asing kononnya berlaku pencabulan hak asasi manusia di Malaysia, Dr Mahathir berkata Barat yang sering menuduh demikian juga tidak bebas daripada pencabulan itu tetapi ia tidak dilaporkan oleh media massa mereka sendiri.

"Pencabulan hak asasi manusia yang terbesar ialah di Bosnia Herzegovina dan kini di Kosovo, juga pelontaran bom ke beberapa negara Islam tetapi tidak dilihat sebagai pencabulan hak itu oleh mereka," katanya.

Beliau berkata Malaysia ditadbir mengikut undang-undang yang berkuatkuasa ke atas semua rakyat tanpa mengira pangkat dan jawatan seperti yang terbukti dengan adanya menteri-menteri sendiri yang dihadapkan ke mahkamah termasuk atas tuduhan membunuh.

Dalam kes bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, beliau berkata semua pihak harus menunggu keputusan mahkamah yang bertindak bebas tanpa memihak kepada kerajaan.

"Apa yang didakwa oleh media Barat itu kerana mereka tidak sukakan kepimpinan Malaysia sekarang...bahkan mereka ingin melihat pertukaran kepimpinan supaya sikap tidak sukakan Barat akan berubah," katanya.

-- BERNAMA

MNY AHH AKD